

## Citra Wanita yang Memancarkan Nilai Murni dalam Drama Adaptasi

Nor Hasimah Ismail<sup>1\*</sup>, Nordiana Ab. Jabar<sup>2</sup> dan Melor Fauzita Md Yusoff<sup>1</sup>

<sup>1</sup>Universiti Utara Malaysia.

<sup>2</sup>Universiti Malaysia Kelantan.

### ABSTRAK

*Fenomena drama bersiri diadaptasi daripada novel kini sudah menjadi lumrah dalam dunia seni. Pembaca akan membuat imaginasi dan kadang kala imaginasi itu tidak sama dengan kehendak penulis. Kini menerusi drama, audiens atau penonton akan dapat melihat korektor sebenar watak yang dibayangkan. Tabiat membaca masyarakat juga rendah, apabila terdapat drama adaptasi yang ditayangkan secara tidak langsung akan memupuk minat audien untuk membaca novel. Karya adaptasi bukan sekadar cerita tetapi jalan cerita yang logik, tidak ada unsur yang menyesatkan, mempunyai ilmu yang mantap dan mengandungi isi yang boleh dijadikan contoh dan teladan. Kajian ini akan melihat watak wanita yang terdapat dalam karya adaptasi. Seterusnya akan menggunakan Teori Takmilah sebagai metodologi kajian. Objektif kajian ini ialah mengenal pasti dan menganalisis drama bersiri yang diadaptasi daripada novel dan menganalisis citra wanita Melayu dalam drama bersiri yang menerapkan nilai-nilai Islam. Semua nilai murni yang dipaparkan akan dijadikan panduan dalam kehidupan seharian.*

**Kata Kunci:** Drama, Adaptasi, Citra Wanita, Novel dan Teladan.

### ABSTRACT

*The serial drama phenomenon adapted from the novel has now become commonplace in the art world. The reader will make the imagination and sometimes the imagination is not the same as the writer's will. Now through the drama the audience or audience will be able to see the actual corrector of the imagined character. Public reading habits are also low when there is an indirect drama adaptation that fosters a handful of readers to read. The novel is not just a story but a logical storyline, there is no element that is misleading and has a solid knowledge and contains content that can be exemplary examples. The novel is not just a story but a logical storyline, there is no element that is misleading and has a solid knowledge and contains content that can be exemplary examples. This study will use Takmilah Theory as a research methodology. The objective of this study is to identify and analyze the serial drama adapted from the novel and analyze the image of Malay women in serial drama which implements Islamic values. All the pure values presented will be guided in everyday life.*

**Keywords:** Drama, Adaptation, Female Image, Novel and Example

### PENGENALAN

Drama bersiri yang diadaptasi kini semakin mendapat tempat di kalangan peminat penonton televisyen. Hasil karya yang menarik dan para pelakon yang Berjaya menjiwai watak mampu untuk menarik perhatian penonton untuk berada di depan kaca televisyen.

Karya adaptasi adalah skrip novel asal yang telah adaptasi dan dijadikan skrip dalam bentuk visual. Proses adaptasi mempunyai prinsip dan memberi dimensi dan gaya baru dalam dunia seni kerana memberi peluang seseorang itu berdaya kreatif dan menciptakan sesebuah karya yang sama tetapi dalam bentuk pandangan yang berbeza dan berlainan. Apabila sesebuah novel diadaptasi ke filem atau drama menjadi karya baru yang menuntut alam dan pemikiran baru.

---

\*Koresponden: [nhsimah@uum.edu.my](mailto:nhsimah@uum.edu.my)

Penulis akan menerima hakikat bahawa novel yang diadaptasi kemungkinan berbeza daripada pemikiran sebenar penulis kadang-kadang berbeza dengan karya sebenar.

Apabila membaca novel secara tidak langsung watak wanita memang tidak dapat dipisahkan dengan novel. Terdapat karya yang menggunakan watak wanita sebagai teraju utama dalam plot cerita. Sasterawan negara A. Samad Said dan Shahnnon Ahmad mengangkat wanita sebagai watak utama. Wanita kini sudah mengorak langkah dalam mendepani kehidupan mendatang. Namun masih terdapat banyak rintangan yang perlu dihadapi oleh seseorang wanita dalam kehidupan. Penulis boleh mencorakkan watak wanita dalam pelbagai keadaan.

Penggunaan watak wanita dalam novel sudah menjadi budaya dalam penghasilan karya sama ada penulis lelaki mahupun penulis perempuan. Setiap pengarang mempunyai kuasa mutlak yang tersendiri untuk mencorakkan watak dalam karyanya. Ada yang menjadikan negatif dan ada juga watak yang dijadikan positif. Ini akan mew perasaan marah, geram, gembira, benci dan lain-lain. Kajian ini akan melihat nilai murni dari sudut pengarang wanita. Karya ini juga telah diadaptasikan dalam drama dan mendapat sambutan yang hebat iaitu novel *Kampung Girl*.

## METODOLOGI KAJIAN

Teori Takmilah telah dicipta oleh Shafie Abu Bakar. Permulaannya dikenali sebagai 'Sastera Islam: Teori Pengindahan dan Penyempurnaan dalam Rangka Tauhid'. Pada 29 hingga 31 Oktober 1992 kertas kerja ini mula dibentangkan di Dewan Bahasa dan Pustaka di Port Dickson. Serentetan itu beliau menjelaskan rangka idea di Seminar di Universiti Kebangsaan Malaysia pada 5 hingga 8 September 1993 berjudul "Teks Hadiqat al-Azhar wa al-Rayahin: sebagai Model Sastera Islam. Selanjutnya beliau telah menggunakan takmilah semasa Nadwah Sastera Islam Antarabangsa anjuran Dewan Bahasa dan Pustaka Kuala Lumpur pada 1 hingga 3 Disember 1993. Shafie Abu Bakar telah membentangkan kertas kerja yang bertajuk Takmilah: Teori Sastera Islam. Aplikasi teori sastera telah dilakukan terhadap kumpulan puisi "Kau dan Aku: Analisis Takmilah" karya A. Aziz Deraman di majlis Diskusi Buku Sempena Minggu Sastera Malaysia 1994 anjuran Dewan Bahasa dan Pustaka Kuala Lumpur pada 14 September 1994. Abdul Halim Ali (2014: 43&44).

Penyempurnaan adalah maksud Takmilah dalam istilah Arab. Perkataan ini berasal dari kata akar *Kamal* yang bertalian dengan *Tajmilah* dan *Jamal*. Melalui teori ini sesuatu itu akan menjadi sempurna lagi menyempurnakan keindahan (Jamal) juga merupakan salah satu daripada sifat Allah yang memperlihatkan kesempurnaan. Prinsip asas penghasilan karya sastera haruslah berada dalam ruang lingkup tauhid, nilai berasaskan keislaman, pengarang dan penulis ada perkaitan keislaman, tiada ideologi tertentu serta terdapat unsur secara tersirat ke arah kebaikan iaitu pendidikan, dakwah, takwa, keluhuran, kemurnian hidup kecintaan kepada Ilahi dan pembelaan terhadap yang ditindas. Teori ini memperkasakan tujuh prinsip iaitu (1) Prinsip ketuhanan bersifat kamal (2) Prinsip kerasulan bersifat Kamil (3) Prinsip Keislaman yang bersifat yang bersifat Akmal (4) Prinsip ilmu dengan sastera yang bersifat Takamul (5) Prinsip Sastera sendiri yang bercirikan estetik dan bersifat Takmilah (6) Prinsip pada pengkarya yang seharusnya mengistimikan diri (7) Prinsip khalayak bertujuan memupuk mereka ke arah insan Kamil. Semua prinsip ini berasal dari perkataan Kama (Sempurna) yang darinya dibentuk "Takmilah" (menyempurnakan). Namun demikian dalam kajian ini prinsip yang berkaitan sahaja dipilih untuk kajian.

## ANALISIS

Menurut Siti Hajar Ismail (2011) Penampilan imej wanita dalam karya sastera dipelbagaikan mengikut acuan seseorang pengarang sama ada bersifat positif atau negatif. Pelbagai nilai murni telah digarapkan dalam novel *Kampung Girl*.

Dalam novel adaptasi ini isu atau kisah kasih sayang dipaparkan dengan jelas. Situasi ini wujud antara anak dengan ibu dan ayah. Hal ini dipaparkan dalam petikan berikut:

“Ain nak makan pekasam!”

“Mak dah agak dah ...Ain mesti minta. Tu yang masak siap, “ sahut Puan Mashita.

Amboi! Sayang mak sorang... habis, tukang pergi cari ikan pekasam, Ain tak sayang?”  
Sampuk Encik Azmi dari belakang.

Ainnur sudah tersengih riang. Sungguh orang tidak akan percaya, dia sudah mencapai usia dua puluh enam tahun. Dengan lahak manja overdose ini, dia sentiasa nampak muda riang.

“Sayang abah jugak!!!” Sebuah ciuman singgah juga ke pipi Encik Azmi.

(2013: 9)

Dalam hal ini menunjukkan hubungan Ainnur dengan ibu bapanya sangat mesra dan kehidupan mereka penuh dengan kasih sayang. Walau pernah menuntut di luar negara namun kampung halaman tidak dilupakan.

Manusia sememangnya sentiasa diuji. Hal ini kerana Allah mahu melihat sama ada manusia bersyukur atau tidak. Ini dijelaskan oleh Allah S.W.T dalam Surah Ali Imran ayat 20:

“Hai orang-orang yang beriman, hendaklah kamu sabar, tahan dan berteguh hatilah sambil berbakti kepada Allah supaya kamu berjaya.”

Pengkaji mendapati dalam berkawan dan sesama sedara mara perlulah berpada [ada dan jangan menyakiti orang lain.

“Dia cakap Ain budak kampung bodoh mak!” luah Ainnur dengan kecewa. Itulah perangai Ashraf yang langsung dia tidak suka walaupun hakikatnya, dia terlalu sukakan lelaki itu dari pertama kali dia mengenal erti suka di antara lelaki dan perempuan. Mulut Si Ashraf yang langsung tidak pernah mengambil kira perasaannya ketika berkata-kata.

“Suka hati dia saja nak label aku sebagai budak kampung bodoh, sebabnya...dia tak sukakan aku! Kalau ya pun tak suka aku! Kalau ya pun tak suka, tak perlulah nak melabel orang dengan *branding* bodoh,kan?”

(2013: 30)

Pengkaji mendapati Ainnur reda akan ketentuan Ilahi terhadap dirinya, walaupun Asraf tidak suka akannya, dia tetap sukakan Ashraf. Bersesuaian dengan pendapat dalam teori takmilah iaitu menerima segala perkara yang berlaku ke atas diri tanpa rasa marah, sakit ataupun kesal. Ia dipimpin oleh ilmu ladunni dan mempunyai pandangan mata hati yang tajam, dikenali sebagai firasat. Perkara baik ataupun buruk yang menyimpannya tidak menimbulkan perbezaan reaksi kerana reda dengan segala ketetapan Allah Hal ini berkaitan dengan akidah Islam iaitu beriman kepada Qada' dan Qadar Tuhan. Qada dan Qadar adalah salah satu dan rukun Iman yang wajib dipercayai oleh setiap orang Islam. Qada bermaksud pelaksanaan. Qadar bermaksud sukatan.

Terbahagi kepada dua iaitu Qada Mubram dan Qada Muallaq. Qada Mubram adalah ketentuan yang pasti akan berlaku dan tidak dapat dihalang oleh sesuatu apa pun. Contoh mati pasti akan berlaku. Firman Allah dalam Surah Al Ana-ama ayat 59 bermaksud:

“Dan pada sisi Allah Taala jua kunci-kunci semua ghaib.”

## KESIMPULAN

Hasil daripada kajian yang dijalankan, dapatlah disimpulkan bahawa novel *Kampung Girl* karya Umi Kalsom memang memaparkan imej wanita yang memancarkan nilai murni. Perasaan cinta kasih sayang dalam novel ini sarat dengan permasalahan yang mencetuskan pergolakan jiwa. Imej wanita yang dipaparkan menunjukkan mempunyai kekuatan dalam diri dan dapat meneruskan kehidupan dengan sebaiknya dan akhirnya beliau hidup aman dan bahagia. Bersesuaian dengan teori takmilah ke arah kesempurnaan di jelaskan dalam novel ini.

## RUJUKAN

- A.Wahab Ali (1989). *Imej wanita dalam sastera*. Tesis Sarjana yang tidak diterbitkan. Kuala Lumpur: Universiti Kuala Lumpur.
- Abdul Aziz Dahlan (1996). *Ensiklopedia hukum Islam*. Jakarta: PT Ihtiar Baru Van Hoeve.
- Abdul Halim Abu Shuqqah (1997). *Kebebasan wanita Jilid 1*. (pengantar oleh Yusuf Qardhawi Muhammad Ghazali) Jakarta: Penerbit Gema Insani Press.
- Abu Shuqqah (1994). *Jati diri wanita menurut Al-Quran dan Hadis*. Penerbit Al Mizan.
- Abu Urwan (1992). *Wanita dan kekeluargaan, Jilid 2*. Kuala Lumpur: Pustaka Salam.
- Ahchee A/p Subramanian (1995). *Wanita dalam novel Tamil Malaysia (1910 – 1970)*, Tesis Ijazah Sarjana Sastera yang tidak diterbitkan. Kuala Lumpur: Univesiti Malaya.
- Ahmad Kamal Abdullah. (2000). *Citra wanita dalam sastera Melayu 1930-1990*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Aishah Abu Bakar (1998). *Citra wanita dalam novel-novel popular Samsiah Nor dan A. Talib Hassan (1990-an) serta penerbitnya*. Tesis Sarjana yang tidak diterbitkan. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Al-Ghazali (2000). *Menyingkap rahsia kebahagiaan*. Selangor: Thinker's Library.
- Al-Qardhawi Yusuf (2000). *Martabat wanita di dalam Islam*. Selangor: Pustaka Ilmi.
- Amnah Mohd Noor (2002). *Citra wanita dalam sastera hikayat*. Tesis Sarjana yang tidak diterbitkan Kuala Lumpur: Universiti Malaya
- Augustine Towonsing (2003). *Fiksyen Indonesia moden: Imej wanita dalam novel*. Tesis Sarjana yang tidak diterbitkan. Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia.Malaya.
- Umi Kalsom (2013). *Kampung Girl*. Selangor: Karya Seni Sdn. Bhd